

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Pakar sifatkan 2022 tahun jangkitan semula

Orang ramai digesa terus amal SOP elak penularan varian BA.4, BA.5

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pakar kesihatan menyifatkan 2022 sebagai tahun dijangkiti semula dengan wabak COVID-19 berikutan pengesanan varian membimbangkan Omicron BA.4 dan BA.5.

Pakar Epidemiologi dan Kesihatan Awam, Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan Fakulti Perubatan di Universiti Malaya, Prof Dr Noran Naqiah Mohd Hairi, berkata ramai individu dijangkiti semula kali kedua atau ketiga.

Katanya, jumlah itu akan terus bertambah terutamanya dengan penularan Omicron varian BA.4 dan BA.5 dan berkemungkinan untuk dijangkiti semula dengan satu daripada varian Omicron bagi setiap dua hingga tiga minggu boleh berlaku.

"Omicron varian BA.4 dan BA.5 adalah lebih berjangkit daripada varian dan subvarian COVID-19 sebelumnya. Malah ia lebih berupaya mencegah pertahanan imun yang disebabkan oleh vaksin atau

oleh jangkitan semula jadi.

"Disebabkan itu, walaupun seseorang itu sudah dijangkiti oleh Omicron sebelum ini, mereka masih boleh dijangkiti sekali lagi dengan Omicron varian BA.4 atau BA.5.

"Penularan COVID-19 bukan seperti selsema kerana setiap jangkitan boleh menjejaskan sistem imun seseorang individu. Malah, risiko long COVID juga meningkat dengan setiap jangkitan.

"Jangkitan semula memudaratkan sistem imun badan dan meningkatkan risiko kemasukan ke hospital serta kematian," katanya dalam kenyataan semalam.

Semalam, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin memberi amaran kepada orang ramai untuk tidak mengambil ringan jangkitan akibat wabak COVID-19 memandangkan dua subvarian Omicron BA.4 dan BA.5 kini merebak dengan pantas.

"Berapa banyak kemasukan ke hospital atau kematian yang akan berlaku, ia tidak dapat dipastikan. Tetapi adakah ia akan menjadi seperti gelombang Delta (2021) atau gelombang Omicron pada awal tahun ini?"

"Apa yang dilihat kini juga adalah, dengan setiap jangkitan COVID-19, ia tidak memberikan imuniti. Bukti terkini menunjukkan bahawa jangkitan kedua akan menggandakan risiko kematian, pembekuan darah dan kerosakan paru-paru.

"Ia juga meningkatkan risiko kemasukan ke hospital sebanyak tiga kali ganda, dengan kemungkinan gelombang kes baharu yang semakin meningkat, saya menggesa orang ramai untuk terus mengambil langkah berjajaga.

Pakar Mikrobiologi Klinikal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Nurul Az-

mawati Mohamed, pula berkata golongan berisiko tinggi seperti individu yang mempunyai penyakit kronik atau komorbid serta petugas barisan hadapan disaran mengambil dos kedua vaksin penggalak.

Pakar Mikrobiologi Klinikal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Madya Dr Nurul Azmawati Mohamed, berkata pengambilan dos kedua bagi dos penggalak mampu mengurangkan kadar jangkitan teruk terutama ketika negara ini sudah mengesan varian membimbangkan (VOC) Omicron BA.4 dan BA.5.

"Walaupun vaksin COVID-19 kurang berkesan terhadap subvarian ini, ia masih berupaya mengurangkan kadar jangkitan teruk dan kematian.

"Justeru, golongan berisiko tinggi seperti mereka yang mempunyai penyakit kronik dan petugas barisan hadapan perlu mendapatkan dos kedua vaksin penggalak," katanya kepada BH.

Subvarian Omicron BA.4 dan BA.5 kini dilaporkan merebak di lebih 110 negara termasuk Asia seperti Thailand, Filipina, India selain Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Kedua-dua subvarian Omicron itu kini ditambah dalam senarai pemantauan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Mac lalu dan ditetapkan sebagai VOC oleh Pusat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah.

Penularan COVID-19 bukan seperti selsema kerana setiap jangkitan boleh menjejaskan sistem imun seseorang individu. Malah, risiko long COVID juga meningkat dengan setiap jangkitan

Dr Noran Naqiah Mohd Hairi, Pakar Epidemiologi dan Kesihatan Awam, Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan Fakulti Perubatan di UM



Buat ujian sendiri sebelum balik kampung sambut Aidiladha

Putrajaya: Orang ramai dinasihatkan berwaspada serta terus mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) termasuk membuat ujian sendiri sebelum pulang ke kampung bagi menyambut Aidiladha.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ini kerana ketika sambutan Aidilfitri baru-baru ini, negara menyaksikan bilangan kes COVID-19 meningkat mendadak kepada 3,410 kes pada 12 Mei lalu.

"Ini antara lain berpunca daripada peningkatan kadar pergerakan dalam masyarakat dan aktiviti perkumpulan ramai.

"Jadi menjelang sambutan Aidiladha ini, teruskan berwaspada apabila pergi menziarah

ahli keluarga.

"Pakai pelitup muka apabila berada di kawasan tertutup dan sesak, amalkan #TRIIS serta lakukan ujian sendiri sebelum pulang ke kampung," katanya di Twitter semalam.

TRIIS merujuk kepada Test (Uji), Report (Lapor), Isolate (Asing), Inform (Maklum) dan Seek (Cari) seperti disarankan KKM.

Malaysia kembali mencatatkan kes baharu melebihi 3,000 kes iaitu sebanyak 3,561 kes setakat semalam, sekali gus menjadikan jumlah angka jangkitan COVID-19 di negara ini meningkat kepada 4,582,302 kes.

Kali terakhir negara ini mencatatkan kes lebih 3,000 ialah

pada 13 Mei lalu dengan 3,029 kes dicatatkan. Negara ini terus menunjukkan peningkatan kes berbanding kelmarin dengan 2,932 kes serta Isnin lalu, 1,918 kes.

Menerusi laman sesawang COVIDNOW, kes baharu itu membabitkan 3,552 kes penularan tempatan dengan sembilan lagi kes adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Sehingga kini masih terdapat 31,540 kes aktif dengan kebolehan jangkitan COVID-19 di negara ini, iaitu 96 peratus atau 30,290 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah, hospital (1,184), Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) (26), Unit Rawatan Rapi (ICU) dan memerlukan alat bantuan pernafasan (23) dan

ICU serta tidak memerlukan alat bantuan pernafasan (17).

Dalam pada itu, COVIDNOW turut memaparkan sejumlah lima kes kematian yang dilaporkan semalam termasuk dua kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Dua kes kematian dilaporkan di Selangor termasuk satu kes BID, manakala masing-masing satu kes dilaporkan di Kuala Lumpur (kes BID), Pahang dan Sarawak.

Mengenai kes sembuh, sebanyak 2,035 individu dilaporkan pulih daripada jangkitan berkenaan menjadikannya sehingga kini sebanyak 4,514,970 kes sembuh dilaporkan di negara ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

PBKD lulus pendaftaran bersyarat produk TELDY rawat HIV-1

Putrajaya: Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) yang bersidang kelmarin, bersetuju memberikan kelulusan pendaftaran bersyarat kepada produk kombinasi (fixed-dose combination) baharu bagi rawatan Human Immunodeficiency Virus Type 1 (HIV-1) iaitu TELDY Film-Coated Tablets.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata produk itu mengandungi kombinasi tiga bahan aktif iaitu Dolutegravir 50mg dan masing-masing 300mg jenis Lamivudine serta Tenofovir Disoproxil Fumarate.

"Penilaian Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) ke atas data kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk TELDY didapati memuaskan untuk digunakan secara tunggal sebagai rejimen lengkap bagi merawat jangkitan HIV-1 dalam kalangan orang dewasa dan remaja berumur 12 tahun ke atas yang mempunyai berat badan 40 kilogram atau lebih.

"TELDY adalah produk kombinasi pertama berasaskan dolutegravir yang didaftarkan di negara ini dan ia adalah manfaat daripada perjanjian Voluntary Licensing (VL) antara Medicines Patent Pool (MPP) dan pemilik paten dolutegravir iaitu ViiV Healthcare.

"Usaha ke arah perjanjian VL ini sudah dimulakan bersama Kementerian Kesihatan (KKM) sejak 2014.

"Pihak MPP memberikan VL kepada tiga pengilang termasuk Hetero Labs Limited, India untuk mengilangkan produk ini bagi pasaran Malaysia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, selain tiga produk kombinasi itu, PBKD turut memberikan kelulusan pendaftaran bersyarat kepada bahan aktif tunggal Dolutegravir 50mg iaitu TEGRAD (Dolutegravir Film-Coated Tablets 50mg), di bawah pemegang pendaftaran dan pengilang sama, pada 10 Februari lalu.

Katanya, pada 2020, dianggarkan 92,063 pesakit HIV dalam kalangan orang dewasa dan kanak-kanak di Malaysia.

"Jadi, perjanjian VL ini membolehkan akses pesakit HIV kepada produk berasaskan dolutegravir dipertingkatkan, selaras saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mahu penggunaan dolutegravir sebagai rawatan utama bagi pesakit HIV.

"KKM melalui NPRA akan terus memantau dan menilai data terkini dari masa ke masa berkenaan maklumat kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk TELDY," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Singapura: Singapura mengesahkan satu kes tempatan jangkitan cacar monyet di Singapura melibatkan seorang lelaki warga Malaysia berusia 45 tahun menetap di republik itu.

Menurut Kementerian Kesihatan (MOH), pesakit itu disahkan positif cacar monyet pada 6 Julai dan kini dimasukkan ke wad di Pusat Penyakit Berjangkit Nasional (NCID).

"Keadaannya stabil. Kesnya tiada kaitan dengan kes import yang diumumkan MOH pada 21 Jun," menurut kementerian itu dalam satu kenyataan dikeluarkan di laman sesawangnya Rabu

Warga Malaysia di Singapura dijangkiti cacar monyet

malam.

Menurut kementerian kes itu pada awalnya mengalami ruam pada kulit bahagian bawah perut pada 30 Jun dan kemudian mengalami keletihan dan bengkak kelenjar limfa pada 2 Julai.

Kes mengalami demam dan sakit tekak pada 4 Julai dan mendapatkan rawatan perubatan. Pesakit turut menjalani ujian awal untuk mengesan kemungkinan ada masalah lain.



Keadaannya stabil. Kesnya tiada kaitan dengan kes import yang diumumkan MOH pada 21 Jun"

MOH

"Apabila ujian itu kembali negatif, kes kemudiannya dihantar ke NCID pada 6

Julai, untuk menjalani kuarantin dan penilaian lanjut," menurut kenyataan itu.

Sehingga 6 Julai, tiga kontak rapat sudah dikenal pasti membabitkan dua rakan serumah dan satu kontak sosial.

"Semua kontak rapat pesakit akan dikuarantin selama 21 hari dari kali terakhir mereka berhubung. Pengesanan kontak sedang dijalankan," menurut kenyataan itu.

Kembali melebihi 3,000 kes sehari

Putrajaya: Malaysia kembali mencatatkan kes baharu melebihi 3,000 kes sehari apabila sebanyak 3,561 kes dicatatkan kelmarin sekali gus menjadikan jumlah angka jangkitan Covid-19 di negara ini meningkat kepada 4,582,302 kes.

Kali terakhir negara mencatatkan kes lebih 3,000 ialah pada 13 Mei lalu dengan 3,029 kes.

Menerusi laman sesawang COVIDNOW, kes baharu itu didapati membabitkan 3,552 kes penularan tempatan dengan sembilan lagi kes adalah import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

Dalam pada itu, COVIDNOW turut memaparkan sejumlah lima kes kematian yang dilaporkan kelmarin termasuk dua kes meninggal dunia di luar fasiliti kesihatan (BID).

Dua kes kematian dilaporkan di Selangor termasuk satu kes BID manakala masing-masing satu kes di Kuala Lumpur (BID), Pahang dan Sarawak.

Mengenai kes sembuh, 2,035 individu dilaporkan pulih daripada jangkitan berkenaan menjadikan sehingga kini sebanyak 4,514,970 kes sembuh.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Orang ramai diingatkan sentiasa berwaspada **Buat ujian Covid-19 sebelum balik beraya**

Oleh **EDDY HAMIDI**

PUTRAJAYA – Rakyat Malaysia diingatkan agar sentiasa berwaspada dengan ancaman virus Covid-19 selain terus mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) lebih-lebih lagi menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha pada Ahad ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, Hari Raya Aidilfitri lalu menyaksikan bilangan kes harian melonjak kepada 3,410 kes yang antara lainnya berpunca daripada peningkatan kadar pergerakan dalam masyarakat dan aktiviti perkumpulan ramai.

"Jadi menjelang sambutan Hari Raya Aidiladha ini, teruskan berwaspada apabila pergi menziarahi ahli keluarga dan pakai pelitup muka apabila berada di kawasan tertutup serta sesak.

"Orang ramai juga disarankan untuk mengamalkan Test, Report, Isolate, Inform, Seek (TRIIS) selain melakukan ujian sendiri Covid-19 sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung," katanya menerusi ciapan di Twitter semalam.

Kelmarin, Khairy Jamaluddin memaklumkan bahawa lebih 110 buah negara telah merekodkan peningkatan kes jangkitan Covid-19 yang didorong oleh dua

subvarian Omicron BA.4 dan BA.5 yang merebak dengan pantas.

Ujar beliau, selain Malaysia, negara jiran seperti Singapura dan Indonesia juga sedang mengalami peningkatan kes.

"Jangan ambil ringan situasi ini. Ramai di sekeliling kita yang tidak dijangkiti Covid-19 sepanjang dua tahun lepas kini telah dijangkiti.

"Pakai pelitup muka di tempat tertutup atau sesak, amalkan TRIIS serta dapatkan suntikan dos penggalak jika belum dan dos penggalak kedua bagi warga emas juga golongan berisiko tinggi," ujar beliau.



ORANG ramai diingatkan agar mematuhi SOP semasa berhari raya sempena Aidiladha untuk membendung penularan Covid-19 yang semakin meningkat. – GAMBAR HIASAN



ORANG ramai akan bercuti pada hujung minggu ini sempena Hari Raya Aidiladha. – GAMBAR HIASAN

Kes baharu lebih 3,000 kelmarin

PUTRAJAYA – Kes harian Covid-19 terus mencatatkan peningkatan apabila sebanyak 3,561 jangkitan baharu dilaporkan kelmarin berbanding 2,932 kes sebelumnya dengan sembilan kes import menjadikan jumlah keseluruhan penularan di Malaysia sebanyak 4,544,517.

Berdasarkan data COVID-NOW, sebanyak 2,035 kes sembuh direkodkan kelmarin dengan jumlah keseluruhan sembuh daripada Covid-19 sebanyak 4,514,970 kes.

"Selangor terus mencatatkan jumlah kes harian tertinggi apabila sebanyak 1,342 kes dilaporkan diikuti Kuala Lumpur (994), Perak (243), Sabah (196) dan Negeri Sembilan (160), Putrajaya (123) dan Pulau Pinang (119)."

"Turut menyumbang kepada jumlah kes harian semalam adalah Melaka (97), Johor (72), Sarawak (55), Kedah (51), Pahang (38), Kelantan (37), Terengganu (17), Perlis (11) dan Labuan (tujuh)," demikian maklumat tersebut semalam.

Dalam perkembangan sama, sebanyak tujuh kes kematian



Selangor terus mencatatkan jumlah kes harian tertinggi apabila sebanyak 1,342 kes dilaporkan diikuti Kuala Lumpur (994), Perak (243), Sabah (196) dan Negeri Sembilan (160), Putrajaya (123) dan Pulau Pinang (119)."

akibat Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kematian meningkat kepada 35,792 kes dengan dua kes brought-in-dead (BID) yang menjadikan jumlah kes BID kini 7,589 kes.

Setakat kelmarin, sebanyak 30,290 kes dikuarantin di rumah, 26 kes di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 1,184 kes di hospital, 17 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 23 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION / NEWS

5 DEATHS

DAILY COVID-19 CASES TOP 3,000

Most are in Selangor and KL with 1,341 and 994 infections, respectively

TEOH PEI YING
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

COVID-19 cases jumped to 3,561 on Wednesday, the first time Malaysia logged more than 3,000 daily cases since May 13.

Nine were imported and 3,552 were local transmissions.

The country had logged 2,932 cases on Tuesday.

Selangor and Kuala Lumpur registered 1,341 and 994 infections, respectively, contributing to the bulk of the latest cases.

Perak reported 243 cases, there were 196 cases in Sabah, 160 in Negri Sembilan, 123 in Putrajaya, 119 in Penang, 97 in Melaka, 72 in Johor, 55 in Sarawak, 51 in Kedah, 38 in Pahang, 37 in Kelantan, 17 in Terengganu, 11 in Perlis, and seven in Labuan.

On Wednesday, the Health Ministry reminded Malaysians to stay alert as more than 110 countries had reported a spike in cases

linked to the highly transmissible BA.4 and BA.5 Omicron sub-variants.

Five deaths were also reported, including two brought-in-dead cases in Selangor and Kuala Lumpur.

Since the pandemic began, 4,582,302 Covid-19 cases have been reported, and 35,792 people have died from the virus.

There were 31,540 active cases after 2,035 recovered on Wednesday.

Some 96 per cent of the cases are undergoing home quarantine, 1,184 cases are receiving treatment at hospitals, 40 treated at intensive care units (ICU) and 26 at Covid-19 quarantine and

treatment centres (PKRC). Of the 40 ICU cases, 23 are ventilated.

On Wednesday, 506 Covid-19 patients were admitted to hospitals.

Data from the ministry's Covid-Now website showed that 18.4 per cent of the normal Covid-19 beds are being used, 9.7 per cent of the Covid-19 ICU beds are occupied and 23.7 per cent of PKRC beds are utilised.

Combining both Covid-19 and non-Covid-19 cases, 69.3 per cent of the normal beds are occupied, 60.3 per cent of ICU beds are occupied and 40.2 per cent of ventilators are in use.

Health Minister Khairy Jamaluddin reminded the public to

remain vigilant during Hari Raya Aidiladha.

He urged those returning to their hometowns to take a Covid-19 self-test before embarking on their journey.

"Daily cases soared to 3,410 during Hari Raya Aidilfitri on May 12. Among the factors that caused the surge was the increasing movement in the community and gatherings," he said on Twitter. So, stay vigilant for the upcoming Hari Raya Aidiladha celebration while visiting your family members, wear a face mask in closed and crowded places, and practise TRIIS (Test, Report, Isolate, Inform and Seek), do a self-test before *balik kampung*."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

KJ: Don't take it lightly

'Be vigilant during holidays to avoid surge in Covid-19 cases'

PETALING JAYA: The upcoming super weekend will be an opportunity for travel and for families to reconnect across the country, but there is an all too real scenario of a sudden spike in Covid-19 cases.

Health Minister Khairy Jamaluddin said people should be vigilant during the Hari Raya Aidiladha holidays to avoid a similar increase in cases recorded during Hari Raya Aidilfitri, with 3,410.

He said more than 110 countries are recording an increase in Covid-19 cases due to the highly transmissible Omicron sub-variant BA.4 and BA.5.

"Don't take this situation lightly. Many around us who have not been infected with Covid-19 over the past two years are now infected. Wear a mask in closed and crowded place, practise TRIS," he said.

Health experts also feel that the number of Covid-19 cases in the country may be under-reported and the more contagious Omicron BA.4 and BA.5 subvariants of Covid-19 may already be spreading.

Universiti Malaya epidemiologist Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud said the number of Covid-19 tests in Malaysia had fallen to less than 30,000 per day (on July 2).

"With new infections now numbering more than 2,000 per day, the test positivity rate is also rising so I think the real number of new cases is probably much higher," he said.

On Wednesday, Malaysia record-

"The real number of new cases is probably much higher."

Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud

ed more than 3,000 new daily cases, the first time this figure has been breached since April this year.

The country's positivity rate has also inched higher and risen above 5% since mid-June.

As at July 4, the positivity rate is at 5.8%, with a total of 58,399 tests conducted. The threshold set by WHO for adequate testing is a 5% positivity rate.

Dr Awang Bulgiba said Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) has already found BA.2.12.1 and BA.5 in Sarawak.

"So, it (the Omicron sub-variants) is likely to be already here," he said.

Dr Awang Bulgiba said that according to the European Centre for Disease Prevention and Control (ECDC), the BA.4 and BA.5 both contain the mutations L452R, F486V, and R493Q in the spike receptor binding domain, which earlier variants do not.

"The UK, Portugal and South Africa have seen quite a number of

infections caused by BA.4 and BA.5 but severe disease rates remain within manageable limits in those countries," he said.

However, he said, there has not been sufficient data to show whether current vaccines offer the same effectiveness against BA.4 and BA.5.

"Pfizer-BioNTech and Moderna both have got newer bivalent vaccines, which covers the original Covid-19 and Omicron variant, but these were created with BA.1 in mind so it is uncertain whether they will also offer the same protection against BA.4 and BA.5," he said.

Dr Awang Bulgiba said non-pharmaceutical interventions or NPIs remain critical in protecting people against the Covid-19 virus, especially with the Omicron sub-variants.

Universiti Putra Malaysia epidemiologist Assoc Prof Dr Malina Osman said those with symptoms should get tested so that earlier prevention can be executed.

"In my opinion, testing may not be as many compared to during the earlier Omicron wave," she said.

She warned that the Omicron sub-variants are highly transmissible and breakthrough infection is observed when there is waning of antibodies.

"Whether it can elude antibodies produced, laboratory studies showed the possibilities but clinical studies showed booster doses adequately produce protective antibodies.

"There is no evidence that the variants caused more severe infec-

tion, but the pattern of severe infection was observed in populations with high numbers of the elderly being infected," she said.

She added that the ultimate concern depends on the impact of breakthrough infection and burden to the healthcare system.

"If the majority of infections remain milder, and our system is still protected and functioning well, the outbreak would still be under control," she said, adding that people should remain vigilant.

Malaysian Medical Association president Dr Koh Kar Chai said with the experience gained for more than two years living with Covid-19, the country should be prepared.

"People should test when symptomatic and continue basic hygiene measures. Every new variant has a potential to cause new infections as there may be a lack of immunity to each succeeding variant.

"As long as Covid-19 does not cause a high proportion of severe disease and death, we have to live our lives normally but with vigilance," he said.

Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia president Dr Raj Kumar Maharajah said the country should be cautious of the new sub-variant.

"The (spread of the) new sub-variant is coming and we should be concerned because we do not know how severe it is going to be.

"It is better to be safe than sorry," he said.

Speed of virus transmission rising in Sabah

KOTA KINABALU: Sabah's Covid-19 numbers went up to 205 cases yesterday.

All the new cases are in Categories 1 and 2, said minister in charge of Covid-19 matters in the state, Datuk Seri Masidi Manjun.

He said the speed of transmission had been getting faster.

"From the positivity rate recorded, we found that it is getting higher.

"It went from 9.76% on Wednesday to 11.3% on Thursday, meaning that the speed of transmission is faster," he said.

On Wednesday, Sabah recorded 196 new infections.

Masidi said the increase in cases could be due to people who refused to get tested when they have symptoms.

"It could be that there are more of such people who continue to go out to work or carry out their daily activities as usual despite being ill and not knowing that they are positive with the virus as they did not get tested," he said.

He said apart from that, the factors contributing to the increase were the lenient standard operating procedure as well as more freedom given for social activities.

Out of the new cases, Kota Kinabalu continued to record the highest number with 88 infections, followed by Penampang (64), Putatan (14) and Lahad Datu (12).

1,4

airy
ovi-
pri-
but
alta-
dated
vaterity
risk
i the
medi-

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

'Be careful of Covid spread during Raya'

KUALA LUMPUR: Health Minister Khairy Jamaluddin has advised the public to be cautious when celebrating Hari Raya Aidiladha this week with family members and friends to curb the spread of Covid-19 cases.

Khairy said on Twitter yesterday yesterday people must wear a face mask when in enclosed or crowded areas, apart from practising TRIIS (test, report, isolate, inform, seek).

"Do a self-test before returning to your village."

Khairy said during the last Hari Raya Aidilfitri period, Covid cases rose to 3,410 on May 12 due to, among others, an increase in movement and group activities. - Bernama